



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### 10 BIDANG FOKUS DIKENAL PASTI UNTUK MEMACU PEMBANGUNAN DRON

#### - 100,000 Pekerjaan Bakal Diwujudkan Menjelang 2025

---

**Kuala Lumpur, 28 April 2022** - Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini mengumumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama agensi pelaksana, Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI), akan menerajui pembangunan industri teknologi dron (*DroneTech*) tempatan. Ia bertujuan untuk membangunkan 5 juara *DroneTech* bertaraf antarabangsa, di samping menempatkan Malaysia di antara 10 negara teratas di dunia untuk kesediaan dron (peraturan) dan penggunaan dron (pasaran) menjelang tahun 2030.

Bidang tumpuan yang terpilih untuk pembangunan dron secara intensif melibatkan sektor Pertanian, Logistik, Media Kreatif dan Rekreasi, Pemuliharaan Alam Sekitar, Pertahanan dan Maritim, Kawalan Penyakit, Mitigasi dan Bantuan Bencana, Perancangan Harta Tanah dan Pembinaan serta Tenaga.

Kerajaan menyasarkan 100,000 peluang pekerjaan diwujudkan melalui Industri dron di Malaysia, selain menyumbang RM50 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang 2030.

“Kami sedang memperhebatkan aktiviti pembangunan industri dron secara pesat supaya dapat menyelesaikan isu-isu sektoral dan kemasyarakatan secara berkesan, di samping menyumbang kepada nilai ekonomi negara sejajar dengan MySTIE 10x10 yang telah digariskan dalam Dasar Sains dan Teknologi Negara (DSTIN),” kata YB Dato’ Sri Dr. Adham Baba.

Perbincangan sedang giat dijalankan bersama Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta badan-badan yang terlibat dalam kegiatan/ sektor penerbangan, termasuk Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), dalam usaha menambah baik proses permohonan permit penerbangan dron sama ada untuk tujuan rekreasi, industri atau sebagainya. Kini terdapat lebih daripada 200 syarikat teknologi dron telah dikenal pasti di Malaysia.

Melalui *Sandbox* Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS) yang diterajui MOSTI dan dikelola oleh MRANTI, sebanyak 25 aplikasi teknologi dron telah diluluskan di empat (4) Persekitaran *Sandbox* dalam tempoh 18 bulan yang lepas. Syarikat-syarikat ini menerima sokongan dari segi pembiayaan untuk pengkomersialan, bantuan pengawalseliaan dan pembangunan pasaran dalam sektor Pertanian, Perhutanan, Bandar Pintar dan Pengangkutan. Melalui beberapa tapak *sandbox* ini, dron akan melalui ujian tekanan dalam persekitaran sebenar bagi kegiatan penuaian, pergudangan dan banyak lagi.

Selain itu, *Living Labs* yang disediakan di MRANTI Park menawarkan kemudahan 4IR bersepadu termasuklah *MakersLab* yang berkeluasan 2,000 kaki persegi, Pusat Kecemerlangan Dron berkeluasan 5 ekar di Area 57, Pusat Pembangunan 5G, Teknologi BioSains dan Penjagaan Kesihatan yang sedang giat dibangunkan sehingga tahun 2025.

Baru-baru ini, Kementerian juga telah mengumumkan rancangannya untuk memperkenalkan sukatan industri dan teknologi dron dalam pelajaran Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI) untuk melahirkan lebih ramai pemain industri di masa hadapan. Tahun ini MOSTI meletakkan sasaran untuk menghasilkan 1,000 juruterbang dron.

Perancangan ini telah dikongsi bersempena dengan Sesi Kesedaran Kawal Selia Dron yang dianjurkan oleh MRANTI dan Persatuan Aktivis Dron Tanpa Pemandu Malaysia (MUDAS). Sesi ini telah menyediakan ruang untuk perkongsian terkini mengenai pelbagai undang-undang dan peraturan tadbir serta garis panduan penerbangan untuk kenderaan autonomi tanpa pemandu, selain sumber-sumber dan kemudahan sedia ada, serta aneka program dan sesi dialog untuk membantu mempercepatkan pertumbuhan industri dron tempatan.

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
30 APRIL 2022**

Kit Media: [MRANTI Park - Area 57](#)